回到了课室后，我坐在座位上，习惯性地伸手拿水壶，却抓了个空。我一下子傻了，我妈妈送给我的心爱的水壶去哪里了呢？我丈二和尚摸不着头脑，顿时心急如焚。我急得像热锅上的蚂蚁，坐立不安，老师讲什么，我也听不进去。此时的我脑中一片空白。不知过了多久，等我回过神，脑筋开始急速运转，可是想了很久，还是不知道该怎么办才好。

我努力让自己平静下来，把早上发生的事情一五一十地像播放电视连续剧似的在脑海中播放一遍。我顿时想起了在休息时间快要结束时，我忘了拿水壶。我决定放学后去拿水壶。上课时，我心不在焉，觉得时间过得好慢啊！我这回才真正体会到度秒如年的感觉。盼星星、盼月亮终于盼到放学的铃声响起。此时的我觉得这声音是世界上最动听的乐曲。我立刻像火箭般向操场冲去。

我来到学校的操场时，东看西看，却发现水壶不在椅子上。我一下子慌了，把整个操场找了个遍，也没有找到水壶的影子。我心里想：是不是哪个好心的学生把水壶捡到，交给了老师。于是，我拔腿就跑到学校的办公室。

我一到办公室，气喘吁吁但不失礼貌地问：“老师，有人捡到一个水壶吗？我的水壶不见了。”然后，我指手画脚地描述了我的水壶的样子给老师听。老师听后，从里面的柜子拿出一个水壶给我并温和地说：“同学，这个是不是你的水壶？”我定睛一看，正是我苦苦寻找的水壶。顿时，我眉开眼笑地说：“是，谢谢老师。”

从办公室出来后，我紧紧地抱住我的水壶，生怕它再次从我的世界里消失。此时的我心情如同吃蜂蜜一样甜。同时，我在心中暗暗告诉自己：从今以后，要好好地保管好自己的东西，别再粗心大意了。

郭祉鑫 - KER ZHI XIN
6 Empathy





珍贵的友谊

“看招！”小明拍着球，敏捷地躲过了小华伸向球的手。小明双脚发力，猛地一跃，把球扔向了队友，但小华像看穿了他的心思一样，也跳了起来，抓住了半空中的篮球。

小华向球筐飞奔过去，小明连忙跑上前防守。“砰！”小华撞到了小明的肩膀。小明往后退了几步才没摔倒。小华向小明投去了一个歉意的眼神，然后继续往前跑。小明心里很不满。

“哎！小华，你回来！”他生气地喊道。小华不知所措地抱着球走了过来。“你刚刚撞到我啦！一句对不起也不说吗？”小明骂道。“就轻轻碰你一下，干嘛大喊大叫？”小华也不甘示弱地双手叉腰回嘴。“哼！懒得理你！”说完，小明就跺着脚离开了篮球场。小华看着小明的背影，张开嘴，却一句话也没说。

一整天，小明和小华谁都不理谁，两个好朋友变成了陌生人。就这样，放学了。小明和小华两个人上了同一辆巴士。他们俩今天不但没坐在一起聊天，而且还双手抱胸，一直瞪着对方，眼中仿佛要喷出烈火。

天空也像他们的心情一样，灰沉沉的。不一会儿，天空上的云不堪重负，一滴滴肥胖透明的大雨点落在了巴士的铁壳上，发出“噼啪，噼啪！”声。在这美妙“乐曲”的陪伴下，小明和小华也到了目的地。小华走下巴士，撑起伞，向家走去。

小明打开书包，伸手拿伞，却掏了个寂寞。“啊！完了！没带伞！”他急得像热锅上的蚂蚁，在巴士站原地踱步。这一幕完完整整地被小华看到了。他想起小明今天对自己抛的狠话，又看了看小明着急万分的样子，有点犹豫。这时，小华又想起他和小明度过的美好瞬间，摇了摇头，把篮球和吵架的事扔到脑后，大步向小明走去。

“小明，我送你回家吧！”小华把自己的“对头”拉到了伞下。他们俩踩着湿漉漉的地面，向家的方向走去。过了一会儿，小明打破了安静。“对不起，我不应该发飙的。”小华笑了笑。“你不早说！一整天没人跟我说话，真无聊。”他们心照不宣地笑了起来。

这次的大雨让小华和小明体会到了友谊的重要性。他们也明白了要珍惜宝贵的友谊，不要为小事而争吵。

李奕晨 - LI YICHEN
6 Empathy





一次让我难忘的露营

“叮！叮！”一阵急促的闹钟铃声把我叫了起来。我急不可耐地从床上起来，洗漱完毕，背上书包冲出家门就往学校跑去。今天我将参加期盼已久的露营三天两夜行。

当我到了学校后，我看到了同学们叽叽喳喳地讨论着，十分兴奋。我立刻加入了他们，和他们聊了起来。七点十分时，老师带着我们上了巴士。在巴士上，我每时每刻都在期待着所有的露营活动，除了高空绳索。

到了营地后，老师告诉我们的组别和我们宿舍的位置。我们把大包小包放在自己的宿舍后，就去集合了。

“同学们，今天我们第一个进行的活动是高空绳索。”我们的指导员说。我的组员都兴奋地跳起来，不约而同大喊：“我们太幸运了！”站在一旁沉默的我则显得特别突兀。为什么是这个？我越想越害怕，一天的好心情全被毁了。我不情不愿地跟着同学们走向高空绳索场地。

“好高呀！”大家看见高空绳索后，不由自主地感叹起来。我看到有足足十米高的绳索后，不禁发起了抖。我有恐高症，尤其害怕在高空中行走。在十层楼往下看都站不稳的我怎么完成高空绳索呢？我有想过退出，但是这会让我被嘲笑的。

“同学们，我来教你们一些安全措施。”指导员说。我十分不情愿地穿上了安全设备，跟着大家走到了高空绳索的下面。“现在，我要选四个人先来尝试高空绳索。有没有人想先试试看呢？”指导员问。顿时，除了我所有人的手都举起来了。指导员面露难色地说：“你们这么多人都举起了手，我有点不太好选。这样吧，生日在七月的人先上吧！”我听后僵住了，很不巧的是我的生日在七月三十日，但我转念一想，只要我假装没有听见，不就能躲过去了。这时，小明大叫一声：“咦？小华不是七月生日的吗？”这一声把我的美好幻想打破了。我生无可恋地跟着指导员爬上楼梯，一步一步地朝着起点走去。





我每走一步台阶，心跳就加快一分。走到一半时，我忍不住往下一看。“好高啊！”我不由自主地喊了出来。我抬头一看，发现大家已经遥遥领先了。我只好强迫自己忘掉恐惧，艰难地往上爬着。

到达起点后，我往前一看，发现已经有人在走独木桥了，那个人看起来极其不稳，随时都可能会跌倒。我心里不免打起了退堂鼓。“小华，愣着干嘛？到你了。”指导员对我说，眼下，我并无其他选择，只能硬着头皮前往那个看起来非常不稳定的独木桥。果然，我踏上第一步时，这个木桥就开始晃荡。我没站稳，差点摔倒。我紧张地抓住吊住我的绳索，一小步一小步地挪，总算有惊无险地过了这一关。

接下来的几关都很简单，我也找回了一点信心。就在这时，我看到了右边的树枝动了几下，接下来窜出来了几只猴子。我看着猴子，心不禁沉了几分。如果这些猴子跳到我前方的绳子上，我该怎么过去呢？这时，有个声音在我脑海里说：“你已经做得很好了，你可以放弃。”正当我真的要放弃时，组员们的声音响起：“王小华！不要放弃！”他们的声音瞬间击碎了我脑海的声音，坚定了我到达终点的决心。我不顾一切，无视猴子的存在，朝下一个关卡跑去。就当我要迈向下一个平台时，我一脚踩空了，我的一颗心提到了嗓子眼，双眼紧紧地闭上，准备迎接死亡。但是，我安然无恙。我缓缓地睁开眼睛。原来是安全设备救了我。接着，我发现了一件不可思议的事情——这竟然有些好玩。

最后，我风驰电掣地完成了整个高空绳索。在我开始滑行时，我回想了这个活动。从最开始的抗拒到害怕到适应，再到最后的享受。这次活动让我克服了我的恐高症，这次露营不仅是露营，还是一次教会我要勇敢和坚持到底的露营。

这真是一次难忘的露营！

孙晨曦 - SUN CHENXI
6 Empathy





Malay Compositions



Datuk dan Nenek Saya

Ini datuk dan nenek saya. Saya hormat akan mereka. Datuk dan nenek saya sudah tua. Mereka tidak bekerja. Datuk dan nenek saya menjaga saya, abang dan kakak sejak kecil lagi. Nenek saya suka pergi ke pasar pada hujung minggu. Saya sayang datuk dan nenek saya.



SHARIFAH NUR DAHLIA BTE SAYED IDRIS ALHABSHEE
2 Aspiration



Anak Yang Rajin

Pada hari Ahad yang lalu, ibu Maya hendak pergi ke pasar. Ibu Maya berpesan kepadanya agar tidak membuka pintu kepada orang yang tidak dikenali. Apabila ibunya telah keluar ke pasar, Maya pun mengunci pintu.

Maya anak yang sangat rajin. Dia ingin membantu ibu mengemas rumah. Dia mengemop dan menyapu lantai. Maya gembira mengemas rumah. Selepas mengemas, Maya menyiapkan sarapan untuk ibunya. Dia membuat sandwic dan minuman.

Apabila ibu Maya pulang, Maya memberikan makanan dan minuman kepada ibunya. Maya dan ibunya bersarapan dengan gembira.

MISHA NASHRAH BTE MUHAMMAD TAUFIQ
2 Aspiration





Diari Saya – Gasing

Kepada Diari,

Semalam saya belajar tentang gasing semasa melakukan aktiviti Dwi Mingguan Bahasa Ibunda di sekolah. Saya mendapat gasing yang diperbuat daripada kayu. Saya melukis corak dan mewarnakan gasing saya. Saya juga belajar cara bermain gasing.

Mulanya, saya melilit tali pada gasing. Kemudian, saya pegang gasing dengan betul. Akhir sekali, saya campak gasing itu!

Kalau kita mencampak gasing dengan betul gasing itu akan berputar dengan ligat. Gasing saya tidak berputar 😊!



SUFIYYAH RAYYANA BTE MOHAMMAD SHAHID
2 Brilliance





Diari Saya – Dipi

Kepada Diari,

Saya menggunakan sudip untuk bercerita tentang 'Dipi'. Saya membaca dan menghafal skrip cerita 'Dipi'. Saya mewarnakan sudip saya dengan cantik. Selepas itu saya dan kawan saya, Humairah, membaca skrip 'Dipi'. Saya sebagai Dipi dan Humairah sebagai Pak Cik Fir. Cikgu Juraida merakam video semasa saya dan Humairah membaca skrip. Saya suka aktiviti ini.



AULIA BTE MUHAMMAD FARHAN
2 Diligence



Saya Seorang Ahli Bomba

Apabila saya dewasa, saya ingin menjadi seorang ahli bomba. Saya mahu menjadi ahli bomba kerana saya hendak mengikut jejak langkah pak cik saya.

Sebagai ahli bomba, saya harus buat latihan. Seorang ahli bomba juga harus memakai uniform. Jika saya menjadi seorang ahli bomba, saya boleh memadamkan api kebakaran dan membantu orang awam yang dalam kesusahan.



ARYAN IDRABI BIN MUHAMMAD FADZIL
2 Empathy



Anak Yang Baik

Ibu Aisha ingin ke pasar. Ibu berpesan kepada Aisha agar mengunci pintu dan tidak membenarkan orang yang tidak dikenali masuk ke dalam rumah.

Apabila ibu Aisha sudah ke pasar, Aisha mula membuat kerja rumah. Aisha seorang anak yang baik dan rajin. Dia suka membantu ibunya mengemas rumah. Aisha mengemop dan menyapu lantai.

Selepas mengemas rumah, Aisha menyiapkan sarapan untuk ibunya. Aisha membuat minuman dan sandwic. Aisha membuat sandwic tuna untuk ibunya. Dia juga meletakkan tomato, timun dan sayur-sayuran ke dalam sandwic itu.

Apabila ibu Aisha pulang, Aisha memberikan makanan dan minuman itu kepada ibunya. Ibu Aisha sangat gembira.

MIKAIL AL KHALIS MUHAMMAD
2 Empathy





Membantu Orang Lain

Ali dan Hadi sedang bersarapan. Ali makan roti bakar sementara Hadi pula minum jus oren. Selepas bersarapan, mereka pergi ke sekolah bersama-sama.

Semasa Adi dan Hadi berjalan ke sekolah, mereka ternampak seorang mak cik terjatuh. Mereka berasa amat terkejut. Beg plastik berisi buah-buahan yang dibawa oleh mak cik itu juga terjatuh ke lantai. Dengan cepat macam kilat, Adi dan Hadi menghulurkan bantuan. Mereka memungut buah-buahan untuk mak cik itu lalu meletakkannya ke dalam beg plastik.

Selepas itu, Adi dan Hadi membawa beg plastik yang berat macam batu itu. Mereka menemani mak cik itu berjalan ke kolong bloknya. Mak cik itu memuji Adi dan Hadi.

“Sudah pukul tujuh tiga puluh pagi. Kami sudah lambat!” kata Adi sambil melihat jam tangannya.

Mereka mengucapkan selamat tinggal kepada mak cik itu dan berlari ke sekolah. Mereka sudah terlewat. Mereka takut dimarahi guru. Setelah sampai di sekolah, mereka menerangkan kepada guru kejadian yang telah berlaku. Guru mereka tidak memarahi mereka. Guru mereka memuji sikap mereka kerana telah melakukan perkara yang mulia.

NUR ZUYYIN NIKEISHA BINTE NORMANDO RUMAMBI
3 Aspiration





Hari Lahir Datuk

Ali, Hana dan Zaki sedang merancang untuk menyambut hari lahir datuk mereka. Mereka mahu membuat kek yang sedap untuk hari lahir datuk mereka.

Setelah berbincang, Ali, Hana dan Zaki ke dapur. Ali hendak membancuh adunan kek. Pada masa yang sama, Hana juga mahu cuba membancuh adunan itu. Hana berasa marah kerana Ali tidak membenarkannya membancuh adunan kek itu. Mereka mula berebut dan bergaduh.

“Ali, giliran Hana untuk membancuh,” kata Zaki.

Ali keras kepala. Mereka bergaduh. Bahan-bahan seperti telur dan tepung bersepah di atas meja. Zaki pun keluar dari dapur untuk meminta bantuan ibu.

“Ibu, Ali dan Hana bergaduh!” kata Zaki.

Ibu memasuki dapur dan hentikan pergaduhan antara Ali dan Hana.

“Mari ibu bantu,” kata ibu dengan lembut.

Mereka pun mula bekerjasama. Ibu menghias kek dengan krim berwarna putih.

“Wah, cantik sungguh kek ini!” kata Hana.

Ali, Hana dan Zaki berasa teruja kerana kek sudah siap. Mereka membawa kek ke ruang tamu sambil menyanyi lagu hari lahir.

“Hari ini adalah hari yang paling istimewa untuk Datuk,” kata Hana dengan senyuman yang lebar.

Datuk memuji cucu-cucunya kerana membuat kek vanila yang sangat enak.

SHARIFAH NUR DHAWIYAH BINTE SAYED IDRIS ALHABSHEE
3 Aspiration





Kembali Ke Sekolah

Adi besar hati kerana hari itu hari pertama dia sekolah.

“Adi! Mari sarapan!” panggil Ibu.

Setiap hari, Adi dan ibu bapanya akan bersarapan pada jam tujuh pagi. Adi makan roti dan minum Milo panas kerana itu makanan kegemarannya.

“Wah, sedapnya makanan ini!” puji Adam pada pagi itu.

Adi selalu ke sekolah bersama kawannya, Zaid. Mereka akan berjalan melalui sebuah taman yang terletak berhampiran blok rumah mereka. Tiba-tiba, mereka terlihat seorang mak cik terjatuh kerana tersandung seketul batu. Dia kelihatan dalam keadaan sakit.

“Eh Zaid, mari kita bantu mak cik itu!” kata Adi apabila melihat kejadian itu.

Mereka bergegas ke arah wanita itu dan terus membantu dia memungut buah-buahan yang terkeluar daripada beg plastiknya. Mereka juga membantu dia berjalan ke kolong blok rumahnya dengan selamat. Mak cik itu memuji sikap baik Adi dan Zaid.

Tiba-tiba, Adam sedari jam sudah pun menunjukkan pukul lapan pagi. Mereka sudah terlewat ke sekolah. Mereka berasa takut dan terus berlari ke arah sekolah mereka. Mereka melihat seorang ketua murid berdiri di pagar sekolah. Selepas mereka menjelaskan perkara yang berlaku, mereka dibenarkan masuk ke kelas masing-masing. Adi dan Zaid sangat gembira kerana dapat membantu seseorang pada pagi itu.

QISHA IZZ ZARA BINTE MUHAMMAD FIRDAUS
3 Confidence





Kejadian Sebelum Majlis Hari Lahir Datuk

Pada hari Ahad, Wafiqah, Zulfadli dan Iskandar melihat kalendar dan sedar bahawa 7 April ialah hari lahir datuk mereka. Mereka merancang untuk menyambut hari lahir datuk mereka. Mereka berasa teruja.

Selepas membuat rancangan, nenek mereka menyediakan bahan-bahan untuk membuat kek coklat. Zulfadli mula menggaul adunan kek coklat tetapi Wafiqah dan Iskandar pun mahu menggaul adunan itu juga. Mereka mula bergaduh. Oleh sebab itu, bahan-bahan kek coklat berselerak dan dapur mereka kotor. Kemudian, Wafiqah minta bantuan daripada nenek mereka untuk menyiapkan dan menghias kek coklat itu.

“Mengapa dapur kotor?” nenek bertanya.

Wafiqah menjawab, “Kami bertiga bergaduh tadi kerana kami semua mahu menggaul adunan kek coklat itu.”

“Mari kita kemas dapur ini bersama-sama,” kata nenek.

“Kami minta maaf kerana bergaduh, nenek,” kata Wafiqah dan adik-beradiknya.

Mereka pun segera menyiapkan kek coklat dan mengemas dapur. Kemudian, mereka semua pergi ke chalet, tempat majlis hari lahir diadakan.

Chalet dihias dengan hiasan yang cantik dan makanan yang lazat dihidangkan di atas meja. Tidak lama selepas itu, ramai tetamu datang ke majlis hari lahir datuk. Datuk menerima banyak hadiah yang diberikan oleh tetamu. Mereka menyanyikan lagu untuk datuk. Selepas itu, datuk memotong kek coklat yang dibuat oleh Wafiqah, Zulfadli dan Iskandar. Datuk besar hati.

NAURAH NUR IMAN BINTE ISKANDAR
3 Confidence





Kek Istimewa Untuk Datuk

Pada hari Jumaat, Amy, Adi dan Azid teringat akan majlis hari lahir Datuk. Amy melihat kalendar.

“Esok hari lahir datuk. Mari kita buat rancangan untuk menyambut hari lahir Datuk”, kata Amy.

“Kita harus buat kek untuknya,” kata Azid.

Mereka merancang untuk mengadakan majlis hari lahir untuk Datuk. Selepas itu, mereka pergi ke kedai untuk membeli bahan-bahan untuk membuat kek coklat.

Selepas membeli bahan-bahan, mereka pergi ke dapur dan meletakkan bahan-bahan di atas meja. Mereka membeli telur, susu dan bermacam-macam lagi. Kemudian, Azid menggaul adunan. Adi dan Amy mahu menggaul adunan juga tetapi Azid memberitahu mereka bahawa mereka tidak boleh melakukannya.

Amy dan Adi berasa geram dan marah. Mereka bergaduh dan berebut senduk. Bahan-bahan berselerak dan dapur kotor. Mereka berpekik-pekikan di dapur. Ibu masuk ke dalam dapur bila terdengar bunyi bising di dapur.

“Eh, kenapa dapur berselerak?” tanya ibu.

Adi memberitahu ibu bahawa mereka tidak dibenarkan menggaul adunan.

“Jangan bergaduh lagi. Kamu harus bermaafan sekarang,” kata ibu.

Amy, Adi dan Azid saling meminta maaf. Selepas itu, Amy meminta bantuan ibu untuk menghias kek mereka.

“Boleh ibu bantu kita untuk menghias kek untuk datuk?” tanya Amy.

“Baiklah,” kata ibu.

“Kamu kemas dapur dan lap meja,” sambung ibu.

“Baiklah!” jawab ketiga-tiga beradik itu.





Mereka membersihkan dapur dengan bersungguh-sungguh hingga bersih. Pada masa yang sama, ibu meletakkan krim strawberi, cip coklat, buah strawberi dan taburan pelangi di atas kek.

“Wah, cantiknya kek itu!” kata Amy.

Kemudian, ibu menyimpan kek itu ke dalam peti ais.

Keesokan harinya, majlis hari lahir Datuk diadakan. Ayah menggantungkan reben, belon dan berbagai hiasan lain. Ibu memasak nasi goreng, sate dan bihun goreng. Nenek pula menyediakan kuih-muih untuk tetamu.

“Wah, banyaknya dekorasi! Sungguh meriah,” kata Adi.

Selepas ayah, ibu dan nenek menyediakan segala-galanya untuk majlis hari lahir Datuk, tetamu pun tiba. Ibu mengeluarkan kek dari peti ais dan menyalakan lilin di atasnya. Tidak lama kemudian, Datuk pun pulang.

“Selamat hari lahir, Datuk!” semua orang menjerit.

“Terima kasih, semua!” kata Datuk.

Datuk besar hati dengan sambutan hari lahirnya. Dia juga gembira mendapat banyak hadiah.

NADYNE ARSHIYA BINTE MOHAMAD YASIN
3 Confidence





Saya Boleh Lakukan Sendiri

Jam sudah menunjukkan pukul enam setengah pagi. Amy sedang menyikat rambut di hadapan cermin. Dia berasa sangat teruja kerana hari itu hari pertama sekolah dibuka.

Amy keluar dari biliknya lalu menuju ke ruang makan untuk bersarapan. Dia makan roti yang disapu dengan coklat.

“Sedapnya!” puji Amy.

Selepas bersarapan, dia meniarung kasut sekolahnya. Ibunya berasa besar hati sewaktu melihat dia sudah pandai mengikat tali kasutnya sendiri.

“Belajar rajin-rajin, ya,” pesan ibunya.

Sesampainya di sekolah, Amy dan murid-murid yang lain ke kelas masing-masing. Pada waktu rehat, Amy dan rakan-rakan pergi ke kantin untuk membeli makanan dan minuman. Tiba-tiba, seorang murid darjah satu menangis kerana tali kasutnya terbuka.

“Kasihan budak itu” kata Amy di dalam hati.

Amy menolong murid perempuan itu.

“Terima kasih!” kata murid perempuan itu sambil tersenyum.

Amy berasa gembira kerana dia dapat menolong murid perempuan itu.

Selepas itu, Amy memimpin tangan murid perempuan itu lalu berjalan ke gerai minuman. Mereka membeli jus epal dan sekotak Milo. Mereka juga makan bersama-sama. Amy memang budak yang baik. Dia menunjukkan sikap empati terhadap orang lain.

MUHAMMAD WAYEEZ BIN ABUZAR
3 Diligence





Pengalaman Yang Berharga

Pada pagi itu, Hafizi dan datuknya hendak memancing bersama-sama. Mereka berasa besar hati dan teruja.

“Saya tidak sabar untuk memancing!” kata Hafizi.

Mereka ke Chalet A untuk meletakkan barang-barang di dalam bilik. Mereka gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga.

Pada jam 10 pagi, mereka pun pergi ke jeti untuk memancing. Hafizi membantu Datuk mengangkat joran. Setelah sampai di jeti, Datuk mengajar Hafizi cara untuk memancing ikan. Hafizi teruja dan menyangka bahawa dia akan berjaya mendapat ikan yang besar macam gajah. Namun, sangkaannya meleset. Sudah setengah jam Hafizi menunggu ikan. Dia mula berasa marah.

“Susahnya hendak mendapat ikan!” kata Hafizi.

Walaupun dia berasa begitu, dia tidak berputus asa. Datuk memberikan semangat dan membantu Hafizi memasang umpan sekali lagi. Tidak lama kemudian, umpan Hafizi digigit ikan. Jorannya bergerak-gerak. Ikan itu besar macam gajah. Hafizi berasa puas hati.

“Wah, besarnya ikan ini!” kata Hafizi.

Hafizi besar hati kerana akhirnya dia berjaya menangkap ikan.

Di chalet, datuk memanggang ikan yang ditangkap oleh Hafizi.

“Harumnya aroma ikan!” kata Hafizi.

Mereka tidak sabar untuk makan ikan yang segar. Setelah ikan masak, mereka makan malam bersama.

Dari pengalaman itu, Hafizi mempelajari bahawa memancing memerlukan kesabaran yang tinggi. Kalau dia tidak bersabar, tentu dia akan rugi kerana tidak dapat merasa ikan yang segar dan enak.

RAUDHATUL JANNAH BINTE LUQMAN NURHAKIM
4 Aspiration





Suatu Peristiwa Yang Tidak Dapat Dilupakan

Hobi Ali bermain layang-layang. Ibu dan bapanya selalu membawa Ali bermain layang-layang di sebuah padang yang jauh dari rumahnya.

Pada hari Ahad yang lalu, semasa mengemas bilik stor rumahnya, Ali terjumpa sebuah wau yang besar. Wau itu sangat berhabuk kerana sudah lama tidak digunakan. Ibu Ali memberitahunya bahawa wau itu milik datuknya. Ali tidak sabar untuk menerbangkan wau yang cantik itu. Dia mengajak ibu dan bapanya. Malangnya, ibu dan bapa sangat sibuk pada minggu itu. Ali berasa sangat hampa.

Pada esok paginya, semasa ibu dan bapanya sedang sibuk bekerja, secara senyap-senyap Ali mengambil wau itu. Dia mahu menerbangkan wau itu di depan rumahnya. Oleh sebab Ali kelam-kabut, dia tidak mengikat tali dengan ketat. Akibatnya, wau itu terlepas dan tersangkut di tingkap rumah jirannya, Encik Samat di tingkat dua.

Ali berasa sangat cemas kerana Encik Samat amat bengis. Ali ternampak Encik Samat mengambil wau tersebut lalu turun ke bawah. Hati Ali semakin berdebar-debar. Encik Samat kelihatan sangat marah.

“Di sini bukan tempat yang sesuai untuk bermain wau,” tegas Encik Samat.

Ibu dan bapa Ali terdengar bunyi bising. Mereka pun bergegas keluar dari rumah. Mereka ternampak Ali sedang dimarahi oleh Encik Samat. Mereka terkejut dan segera berlari ke arah Ali. Apablia mereka ternampak wau dalam genggamannya Encik Samat, mereka tahu perkara yang telah terjadi.

Ali meminta maaf kepada Encik Samat atas perbuatannya itu. Dia berjanji untuk tidak membuat perkara itu lagi. Dia juga meminta maaf kepada ibu dan bapanya kerana telah bermain wau datuknya tanpa izin.

SUFI RAKIN BIN MOHAMMAD SHAHID
4 Aspiration





Membuat Projek Sekolah

“Kami hendak ke mana, cikgu?” tanya Ana.

“Kami akan menuju ke makmal komputer,” kata Cikgu Hani.

Mereka beratur dalam satu barisan untuk menuju ke makmal komputer. Mereka berasa besar hati kerana dapat menyiapkan sebuah projek di makmal komputer. Sejurusnya tiba di situ, Cikgu Hani menerangkan peraturan-peraturan semasa di makmal komputer seperti tidak boleh minum air di dalam makmal dan senantiasa dengar arahan guru.

Selepas Cikgu Hani menerangkan beberapa peraturan di makmal komputer, beliau menjelaskan cara-cara untuk menyiapkan projek. Murid-murid memandang Cikgu Hani dan memberikan sepenuh perhatian. Cikgu Hani juga telah membahagikan murid-murid kepada kumpulan masing-masing. Selepas Cikgu Hani selesai menjelaskan tentang projek, murid-murid terus memulakan projek mereka dengan perasaan teruja.

Murid-murid berpecah kepada kumpulan masing-masing. Adi dalam kumpulan yang sama dengan Sara. Mereka mula berbincang tentang projek tetapi Adi berasa keliru dan tidak tahu menggunakan iPad. Dia mati akal. Adi berasa kesal kerana semasa Cikgu Hani memberikan penerangan tadi, Adi asyik terfikir tentang waktu rehat. Dia tidak tahu sama ada mahu membeli mi soto atau nasi ayam. Adi tidak fokus.

“Apakah yang harus saya lakukan sekarang?” tanya Adi sambil menggaru kepalanya.

Sara yang melihat Adi tercengang segera menghulurkan bantuan kepada Adi. Dia menunjukkan Adi cara untuk menggunakan iPad dengan penuh kesabaran. Adi sangat berterima kasih kepada Sara kerana telah membimbingnya dengan ikhlas. Setelah mendapat bimbingan Sara, Adi dapat membuat projeknya itu dengan sangat baik. Cikgu Hani telah memuji hasil kerja Adi.





“Cikgu, sebenarnya, Sara yang telah banyak membantu saya,” kata Adi yang tidak bersikap seperti kacang melupakan kulit.

“Cikgu berasa sangat besar hati kerana anak-anak murid cikgu saling membantu antara satu sama lain,” puji Cikgu Hani.

Cikgu Hani telah memberikan markah yang tinggi kepada Adi dan Sara untuk projek tersebut. Mereka berasa amat bangga akan pencapaian mereka. Mereka berharap agar mereka dapat datang ke makmal komputer lagi kerana pengalaman menyiapkan projek di situ amat menyeronokkan. Dari peristiwa ini, Adi pelajari untuk mendengar arahan guru dengan tekun. Hal ini kerana jika dia fokus, dia dapat memberikan prestasi yang terbaik dalam tugasannya.

ADLINA BINTE IRWAN
4 Confidence





Mengambil Giliran

“Hari ini, kita akan ke rumah Zaid,” kata ibu dengan senyuman yang manis.

“Hore!” teriak Adi.

Zaid dan Adi bersekolah di sekolah yang sama. Mereka rakan karib. Hari itu hari Jumaat. Adi tidak sabar untuk ke rumah Zaid kerana dia ingin bermain-main bersama Zaid. Adi tahu bahawa Zaid memiliki banyak mainan yang menarik.

“Assalamualaikum!” ucap ayah Adi.

“Walaikumsalam, silalah masuk,” kata ayah Zaid.

Sejurus sahaja mereka memasuki rumah Zaid, Zaid mengajak Adi untuk bermain bersama.

“Adi, mari kita bermain bersama-sama dalam bilik!” kata Zaid dengan penuh perasaan teruja.

Adi pun memasuki bilik Zaid. Sementara mereka bermain bersama, ibu bapa mereka bersembang dengan satu sama lain di ruang tamu. Adi kemudian ternampak sebuah mainan robot kecil dan berwarna-warni di atas katil Zaid. Robot itu telah menarik perhatiannya. Dia mahu bermain mainan robot itu. Adi pun mengambil mainan itu dan menekan-nekan butang yang terdapat pada robot itu.

Tiba-tiba, robot itu dirampas oleh Zaid dengan kasar.

“Jangan pegang robot ini!” jerit Zaid.

“Kenapa kamu kasar sangat?!” jerit Adi.

Mereka mula bertengkar. Zaid memarahi Adi kerana tidak meminta izin sebelum mengambil robot itu.

“Kamu tadi kata, saya boleh bermain semua mainan dalam bilik ini,” kata Adi sambil menangis tersedu-sedu.





Mendengar jeritan dan tangisan mereka, ibu bapa Adi dan Zaid segera ke bilik Zaid. Ibu Zaid telah menegur perbuatannya kerana tidak berkongsi mainannya dengan tetamu. Zaid berasa bersalah. Dia lalu pergi ke arah Adi dan meminta maaf kepadanya.

“Saya minta maaf, Adi, sepatutnya saya mesti berkongsi mainan dengan tetamu yang datang ke rumah saya,” kata Zaid dengan penuh penyesalan.

Adi memaafkan Zaid.

“Ibu saya bawa ais krim coklat. Selepas bermain, mari kita makan bersama!” ajak Adi.

Ais krim coklat merupakan makanan kegemaran Zaid. Selepas bermain, mereka pun makan ais krim coklat bersama. Dari peristiwa ini, Ali dan Zaid mempelajari tentang kepentingan berkongsi. Sikap kedekut dan tidak mengambil giliran boleh membawa kepada pergaduhan.

AHMALIA MURJIAH BINTE ZUWAIRI
4 Confidence





Murah Hati

Suasana di stesen kereta api MRT sangat sibuk. Terdapat ramai orang di situ. Budi sedang menunggu Siti. Mereka akan ke Pusat Beli-Belah Bukit Panjang bersama-sama pada hari itu. Selepas sepuluh minit Budi menunggu, akhirnya Siti tiba. Mereka berbual-bual dengan gembira.

Semasa mereka sedang berbual-bual, Budi ternampak Encik Ali, jirannya sedang bergegas untuk menaiki MRT. Beliau berlari pantas macam kuda.

“Mungkin Encik Ali terburu-buru kerana dia terlewat untuk ke tempat kerjanya,” bisik hati Budi.

Dengan cepat macam kilat, Encik Ali mengimbas kadnya. Kemudian, beliau menyimpan kadnya di dalam beg. Namun, tanpa disedari, kadnya tercicir. Budi dan Siti ternampak kad Encik Ali di atas lantai. Budi teringat bahawa ibunya selalu berpesan agar menjadi seorang yang jujur. Dia pun mengambil keputusan untuk mengambil kad itu dan memulangkannya kepada Encik Ali.

“Kad Encik Ali tercicir, mari kita pulangkan kepadanya,” kata Budi kepada Siti.

Siti pun bersetuju. Siti memungut kad itu sementara Budi memanggil-manggil nama Encik Ali yang sedang berjalan dengan cepat. Encik Ali terdengar suara seseorang memanggil-manggilnya. Beliau pun menolehkan kepalanya ke arah suara itu.

“Encik Ali!” Budi memanggilnya dengan kuat.

Encik Ali berasa terkejut apabila melihat Siti sedang memegang kadnya. Pada masa yang sama, dia juga berasa sangat lega. Hal ini kerana dia baru sahaja menambah nilai sebanyak \$50 pada kad tersebut. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Budi dan Siti.

“Terima kasih! Kamu berdua sangat baik budi,” puji Encik Ali.

Budi dan Siti berasa amat besar hati kerana mereka dapat menghulurkan bantuan kepada orang lain. Mereka tidak sabar untuk menceritakan tentang perkara ini kepada ibu bapa mereka. Dari peristiwa ini, Encik Ali mempelajari untuk menjaga barang-barangnya dengan lebih baik. Hal ini kerana kalau dia tidak menjaga barang-barangnya dengan baik, dia akan kehilangan wang yang banyak.

DAFINAH BINTE SHAH ALFI
4 Confidence





Akibat Cuai

Kedengaran riuh-rendah suara murid-murid di kantin. Aroma makanan pula memanggil-manggil mereka untuk menjamu selera. Kelihatan murid-murid sedang beratur di gerai mi. Seorang murid yang bernama Sara sedang membeli mi soto. Selepas beratur dan membeli mi soto, Sara berjalan ke arah sebuah meja kosong. Sarah duduk di bangku dan meletakkan fail di sebelahnya. Dia pun mula makan mi soto itu. Semasa Sara sedang asyik makan, lembaran kerja Sara terbang melayang dari failnya dan jatuh ke lantai. Sara tidak sedar akan lembaran kerjanya yang terjatuh ke lantai itu.

Selepas selesai makan, Sara mengangkat piringnya lalu menghulurkannya kepada seorang pekerja pembersihan. Sara mengambil failnya lalu berjalan ke bilik darjah. Sara tidak sabar untuk ke kelas tambahannya. Hari itu merupakan kali pertama Sara menghadiri kelas tambahan. Lagi pula, mata pelajaran itu merupakan mata pelajaran yang digemarinya.

Setelah sampai di bilik darjah, Sara bergegas ke tempat duduknya lalu mengeluarkan semua barang yang diperlukan untuk kelas tersebut. Ramai murid kelihatan sedang berbual-bual di dalam bilik darjah. Cikgu Hamza, guru kelas tambahan Sara, meminta lembaran kerja yang harus dilengkapkannya pada hari sebelumnya. Sara mengambil failnya dan terus mencari lembaran kerjanya itu. Dia mula panik apabila dia tidak dapat mencari lembaran kerja itu. Sara segera berjalan ke arah Cikgu Hamza dengan perasaan takut.

“Di manakah kertas lembaran kerja kamu, Sara?” tanya Cikgu Hamza dengan tegas.

Dengan hati yang berdebar-debar, Sara memberitahunya bahawa dia tidak dapat menjumpai lembaran kerja tersebut. Dia meminta izin daripada Cikgu Hamza untuk mencari kertas lembaran kerjanya di kantin. Selepas mendapat keizinan, Sara bergegas ke kantin.

Setibanya di kantin, Sara berjalan ke arah bangku yang didudukinya tadi. Dia menjumpai lembaran kerjanya di lantai lalu mengutipnya. Hatinya remuk-redam apabila mendapati lembaran itu basah dan kotor. Dengan perasaan gemuruh, Sara pulang ke bilik darjah dengan lembarannya itu.



Sampai sahaja di bilik darjah, Sara memberitahu Cikgu Hamza bahawa lembaran kertasnya sudah kotor sambil menunjukkan kepada beliau lembaran kerjanya. Melihat lembaran kerjanya itu, Cikgu Hamza tidak memarahi Sara. Beliau memberikan Sara sehelai lembaran kerja yang baharu dan berpesan agar dia tidak cuai dengan lembaran kerjanya.

Sara mempelajari bahawa dia harus lebih berhati-hati apabila menyimpan barang sekolahnya agar tidak mudah tercicir.

MUHAMMAD AL-LUHAIKAN BIN JAMADI
5 Confidence





Nilai Sebuah Persahabatan

“Waktu sekolah sudah tamat!” Inas menjerit dengan riang.

“Mari kita pergi ke taman permainan,” ajak Julia. “Kita boleh singgah di kedai dahulu untuk membeli mainan sebelum ke taman permainan,” sambung Julia.

“Alahai, saya harus menunggu adik saya dahulu!” saya berkata. Saya ingin sangat menyertai mereka.

“Kalau begitu, kami akan menunggu awak dan adik awak di perhentian bas,” cadang Inas.

Saya bersetuju dengan cadangan Inas. Saya melihat di sekeliling saya, “Di mana Nafil?” bisik hati kecil saya sambil mencari adik saya, Nafil, dalam kalangan murid-murid yang lain.

Saya bergegas ke kantin untuk mencari Nafil. Di hujung mata saya, saya terlihat Nafil asyik bermain-main dengan rakan-rakannya. “Nafil! Mengapa Nafil di kantin? Kita mesti pergi sekarang. Kawan-kawan kakak sedang menunggu kita,” saya berleter.

Nafil meminta maaf kepada saya. Saya memaafkannya lalu menarik tangannya untuk berjumpa dengan rakan-rakan saya, Julia dan Inas. Kami pun bergegas ke perhentian bas, tempat yang dijanjikan. Namun, apabila kami tiba di perhentian bas, Inas dan Julia tidak kelihatan. Mereka tiada di perhentian bas itu.

“Eh, di mana mereka? Bukankah kita sudah berjanji akan bertemu di perhentian bas ini?” saya merungut.

“Di mana kawan-kawan kakak? Kakak kata mereka tunggu kakak di sini,” tanya Nafil.

Kekeliruan mula membanjiri minda saya. Air mata mula bergenang di kelopak mata saya. Pada ketika itu, saya menyedari mereka telah meninggalkan saya dan adik saya. Hati saya diserang kesedihan dan kekecewaan.

Tiba-tiba, api kemarahan mula menyala dalam hati saya. Terlintas dalam fikiran saya bahawa mereka telah mengkhianati saya. “Apa yang telah





saya lakukan sehingga mereka sanggup melakukan perkara ini kepada saya? Apa salah saya?” bisik hati kecil saya lagi.

Melihat keadaan saya, Nafil pun cuba memujuk saya dan mengajak saya pulang ke rumah sahaja.

Pada keesokan harinya, saya tidak bertegur sapa dengan Inas dan Julia apabila saya bertemu dengan mereka di sekolah. Saya berasa sangat marah akan perbuatan mereka terhadap saya sehingga saya tidak mengendahkan sapaan mereka. Inas dan Julia cuba meminta maaf kepada saya tetapi saya tidak mampedulikan mereka.

Julia merayu untuk berjumpa dengan saya agar dia dapat menjelaskan perkara yang sebenar. Akhirnya, saya mengalah dan berjumpa dengan mereka pada waktu rehat. Julia dan Inas menjelaskan sebab mereka terpaksa meninggalkan saya di perhentian bas.

“Ibu saya telah menelefon saya, menyuruh saya untuk pulang ke rumah dengan segera,” jelas Inas.

Julia pula menjelaskan bahawa dia menerima pesanan daripada ibunya. Beliau telah meminta Julia ke pasar raya serbaneka untuk mendapatkan bahan-bahan masakan untuk makan malam nanti.

“Maafkan kami, Nufaisah. Dalam keadaan kelam-kabut, kami juga terlupa untuk memberitahu awak. Kami tahu awak tentu kecil hati. Oleh itu, kami minta maaf, Nufaisah,” pinta Inas lagi.

Saya hanya menganggukkan kepala. Setelah beberapa seketika, saya menjelaskan kepada mereka bahawa saya tidak suka orang yang memungkirkan janji atau orang yang mengkhianati saya. “Saya sangat sedih apabila ada orang yang melakukan perkara-perkara itu kepada saya,” jelas saya kepada mereka.

Julia dan Inas menganggukkan kepala dan berkata bahawa perkara itu tidak akan berlaku lagi. Peristiwa itu mengajar saya bahawa salah faham boleh merosakkan persahabatan jika tidak dijelaskan dengan segera. Mujurlah, kami memilih untuk memaafkan antara satu sama lain. Saya sedar bahawa nilai persahabatan yang ikhlas jauh lebih penting daripada salah faham yang kecil. Kini, kami lebih berhati-hati agar tidak mengulangi kesilapan yang sama.

MERCADO JULIA AVELIN ESTOQUE
5 Confidence





Erti Sebenarnya Kerja Berkumpulan

“Awak ketua kumpulan. Oleh itu, awak buat semuanya, ya?” kata Danial sambil tersenyum di kerusinya.

Hati saya hancur. Saya terdiam lalu mengangguk perlahan.

Saya masih teringat akan peristiwa itu. Peristiwa itu berlaku sewaktu saya dalam Darjah Lima. Pada masa itu, mata pelajaran Kajian Sosial. Cikgu Liyana, guru mata pelajaran tersebut, telah memberikan kami tugas dalam bentuk projek. Kami perlu menghasilkan poster tentang negara-negara ASEAN secara berkumpulan. Saya pun diajak untuk membentuk kumpulan dengan beberapa orang rakan yang lain, Danial, Azhar dan Zaki. Saya telah dipilih sebagai ketua kumpulan oleh rakan-rakan sekumpulan saya. Saya besar hati dan bersemangat dengan kepercayaan yang diberikan oleh rakan-rakan sekumpulan saya. Namun, perasaan itu digantikan dengan rasa kekecewaan yang teramat sangat.

Semasa sesi perbincangan, Danial, salah seorang rakan kumpulan saya, asyik bercakap dengan ahli kumpulan lain tentang perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan projek kami. Apabila saya meminta mereka memberikan tumpuan pada perbincangan kami, mereka tidak mengendahkan saya.

“Awak ketua kumpulan. Oleh itu, awak buat semuanya, ya?” kata Danial sambil duduk tersenyum di kerusinya.

“Yalah, awak sahajalah yang buat segala-galanya. Bukankah awak ketua kumpulan?” ulang seorang ahli kumpulan yang lain yang bernama Azhar. Dia tersenyum sinis.

Walaupun saya berasa marah pada masa itu, saya hanya tersenyum apabila mendengar kata-katanya itu. Tidak disangka-sangka, Zaki sudi membantu saya. Syukurlah, saya tidak melakukan semuanya sendirian, tetapi saya berhadapan pula dengan satu masalah! Zaki ada disleksia dan mempunyai kesusahan untuk membaca. Walaupun begitu, dia rajin dan ikhlas untuk membantu saya. Oleh itu, saya menolong Zaki dengan membacakan arahan dan soalan bagi projek kami. Kami membahagikan tugas. Saya menuliskan maklumat yang diperlukan manakala Zaki pula telah melukis dan mewarnakan gambar untuk mencantikkan projek kami. Akhirnya, kami





berjaya melengkapkan projek kami, walaupun tidak begitu sempurna. Kami hanya perlu membentangkan projek kami pada hari yang ditetapkan Cikgu Liyana.

Hari pembentangan akhirnya tiba. Saya masih meletakkan harapan tinggi kepada kumpulan saya agar kami dapat melakukan yang terbaik bagi pembentangan ini.

Tiba-tiba, Danial, yang langsung tidak menghulurkan bantuan untuk projek kami, mula berkata, “Biar saya yang bentangkan, saya fasih lidah.”

“Eh, mengapa dia yang beriya-iyanya mahu membentangkan poster ini?” hati saya mula berbisik dengan keliru.

Mata saya mula berkaca apabila perasaan kecewa mula menyelubungi hati saya. Namun, saya membiarkan sahaja Danial membuat pembentangan bagi pihak kumpulan kami, walaupun hati saya terasa berat untuk membiarkannya.

Semasa Danial membuat pembentangan, barulah saya sedar bahawa poster kumpulan kami kelihatan agak kosong dan tidak lengkap. Mata saya meliar ke seluruh kelas dan saya melihat poster-poster yang dihasilkan kumpulan lain amat kemas dan cantik serta padat dengan maklumat. Saya berasa sangat malu dengan hasil kerja kumpulan kami. Ombak kecewa memukul pantai hati saya. Rasa mahu menangis dan menjerit juga ada pada masa itu.

Selepas Danial pulang ke tempat kumpulan kami duduk, semua ahli kumpulan senyap seribu bahasa. Mereka mungkin baru sedar akan kesilapan mereka.

“Cikgu tahu, tidak semua orang yang memberikan bekerjasama dalam kumpulan ini,” kata Cikgu Liyana dengan perlahan.

“Projek poster ini bukan hasil kerja ketua kumpulan atau seorang ahli sahaja. Projek ini seharusnya dibuat secara berkumpulan dan semua ahli harus memberikan kerjasama untuk menyelesaikannya. Namun, Cikgu berharap,





kamu semua akan belajar daripada pengalaman ini dan akan bersikap lebih bertanggungjawab,” tegur Cikgu Liyana dengan tegas.

Saya dan ahli kumpulan yang lain mengganggu tanda mengerti. Danial dan Azhar juga meminta maaf kepada saya dan Zaki atas sikap tidak acuh mereka itu dan berjanji tidak akan mengulangi sikap yang sama.

Saya dan rakan-rakan saya juga sedar akan kesilapan masing-masing. Peristiwa itu benar-benar membuka mata saya. Saya sedar bahawa kerja berkumpulan tidak boleh dipikul oleh seorang sahaja, tetapi memerlukan semua ahli untuk saling berganding bahu. Tanpa kerjasama, hasil kerja tentu tidak akan sempurna. Saya juga belajar bahawa setiap orang ada kelebihan tersendiri untuk menyumbang, sama ada besar atau kecil, seperti rakan saya, Zaki, yang masih dapat menyumbang kepada kumpulan kami walaupun dia sendiri menghadapi kesukaran dalam keperluan pembelajaran.

Kerja kumpulan memerlukan keikhlasan, kepercayaan dan tanggungjawab bersama. Barulah hasilnya dapat dibanggakan bersama.

MUHAMMAD SHAKIR BIN MUHAMMAD ZARIFI
5 Confidence





Pengajaran Daripada Sikap Cuai

Kedengaran riuh-rendah di kantin dengan suara murid-murid selepas waktu sekolah. Aroma makanan pula memanggil-manggil mereka untuk menjamu selera. Kelihatan murid-murid sedang beratur untuk membeli makanan. Sikap teruja terpancar di wajah masing-masing, memikirkan makanan yang ingin mereka beli. Ana juga berada di kantin. Dia mahu membeli mi sebelum kelas tambahannya bermula.

“Sedapnya!” bisik hati Ana apabila terasa mi goreng yang baru dibelinya.

Tiba-tiba, lembaran kerja Ana terkeluar dari failnya lalu terjatuh ke lantai. Ana tidak menyedari bahawa lembaran kerja miliknya telah terjatuh. Selepas menghabiskan mi gorengnya, Ana memulangkan pinggan di besen yang disediakan, sebelum mengambil beg dan failnya. Dia pun berjalan ke bilik darjahnya.

Selepas semua murid sudah meninggalkan kantin, para pekerja pembersihan mula menyapu dan mengemop lantai kantin. Mak Cik Aisha, salah seorang pekerja pembersihan, tidak melihat kertas lembaran kerja Ana di lantai. Dia mengemop lembaran kerja itu tanpa sengaja.

Apabila Ana dan murid-murid lain sudah tiba di blik darjah, gurunya, Cikgu Siti, mengarahkan murid-murid agar menghantar kerja sekolah yang diberikan hari sebelumnya. Ana pun mengambil failnya. Dia mula mencari lembaran kerjanya di dalam fail itu. Dia pasti dia telah menyimpan lembaran kerjanya dengan baik-baik dalam fail itu tetapi masih tidak dapat menemukannya.

Ana mula panik. Dia hendak memberitahu Cikgu Siti tentang lembaran kerjanya itu tetapi Cikgu Siti dikenali sebagai seorang yang garang macam singa. Ana memberanikan dirinya dan memberitahu Cikgu Siti perkara yang sebenar.





“Cikgu, lembaran kerja saya hilang. Saya fikir kertas lembaran kerja saya tercicir di kantin. Boleh saya pergi ke kantin untuk cuba mencari kertas saya?” tanya Ana dengan hati yang berdebar-debar.

“Baiklah. Cepat-cepat pulang ke kelas,” jawab Cikgu Siti dengan tegas.

Ana berlari seperti lipas kudung untuk ke kantin bagi mencari kertas lembaran kerjanya. Dia mencari di merata tempat di kantin. Dia mencari kertasnya di atas dan di bawah meja. Tidak lama kemudian, dia menjumpai kertas lembaran kerjanya itu tetapi kertas itu sudah basah dan koyak! Ana mengutip kertas itu lalu berjalan pulang ke bilik darjahnya.

Ana berasa amat gementar dan memikirkan tentang penjelasan yang harus diberikan kepada Cikgu Siti. Apabila tiba di bilik darjahnya, Ana menunjukkan kertas lembaran kerjanya kepada Cikgu Siti dengan hati yang berdebar-debar.

“Tidak mengapa, Ana. Cikgu akan berikan kertas yang baharu untuk kamu lengkapkan. Kamu boleh menghantarnya esok,” pesan Cikgu Siti apabila terpancang kertas Ana yang sudah koyak.

“Terima kasih, Cikgu” jawab Ana.

